| BIL | PERTANYAAN | PENERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | Bagaimanakah Cara Permohonan Berkelompok Bagi Tujuan Kursus/ Bengkel/ Mesyuarat | Secara Atas Talian (*Online*) Melalui sistem https://sbbph.gov.my<br><br>i) Tempahan Dilakukan 3 Bulan Sebelum menginap (**Tertakluk kepada kekosongan**) Permohonan kelompok diberi keutamaan untuk ke RPP P.Pangkor & Tasik Kenyir sahaja<br><br>ii) Permohonan Berkelompok Hanya Dibenarkan Pada Luar Waktu Puncak Sahaja Iaitu Hari Selain Daripada Sabtu / Ahad, Cuti Umum & Cuti Sekolah;<br><br>iii) Surat Permohonan Rasmi Jabatan Perlu Dimuat Naik Sebelum Kelulusan Dipertimbangkan<br><br>iv) Permohonan adalah menggunakan ID individu yang menjadi urusetia bagi program tersebut |
| 2. | Bagaimanakah Cara Membatalkan Permohonan Sewa Bilik Di RPP/RT | i) Pemohon Perlu Batalkan Permohonan Di dalam Sistem sbbph.gov.my Di Modul RPP Premier/ Eksekutif Dan Klik Pembatalan.<br><br>ii) Pemohon Boleh Membuat Pembatalan Sesuatu Tempahan Tidak Kurang Daripada Empat Belas (14) Hari Sebelum Tarikh Menginap.<br><br>iii) Walau Bagaimanapun, Bayaran Balik Tertakluk Kepada Potongan 50 Peratus (%) Daripada Keseluruhan Kadar Sewa Atau Minimum Rm50.00 Yang Mana Lebih Tinggi. |
| 3. | Bagaimanakah Cara Membuat Permohonan Individu Di RPP / RT | i) Permohonan Boleh Dibuat Secara Atas Talian (Online) Melalui Laman Web BPH, www.bph.gov.my atau https://sbbph.gov.my<br><br>ii) Pemohon Dikehendaki Mendaftar Di Laman Web Bph Bagi Mendapatkan Kata Laluan / Akses Menggunakan Sistem Permohonan Atas Talian<br><br>iii) Jenis Bilik / Unit Yang Layak Dipohon Adalah Berdasarkan Gred Semasa / Terakhir Penjawat Awam Berkhidmat |

| | | |
|---|---|---|
| 4. | Bagaimanakah Cara Pembayaran Sewa RPP/RT | Pembayaran Boleh Dibuat Melalui Kaedah Berikut:<br><br>i. Secara Atas Talian (Online) Melalui Laman Web BPH<br>ii. Resit Bayaran Perlu Dicetak Oleh Pemohon Sebagai Bukti Pembayaran (untuk rujukan)<br>iii. Secara Tunai Di Kaunter Pusat Pembayaran Bahagian Pengurusan Hartanah, Blok F6, Kompleks F |
| 5. | Bolehkah Membawa Had Lebih Tetamu Di RPP/RT | Tidak Dibenarkan Membawa Masuk Tetamu Melebihi Had Bilangan Yang Ditetapkan<br><br>Sekiranya Melanggar Peraturan Yang Ditetapkan Tindakan Senarai Hitam Boleh Dikenakan |
| 6. | Berapa Lama Tempoh Maksima Boleh Menginap Di RPP / RT | Bagi satu permohonan, tertakluk pada kekosongan<br><br>Tempoh Maksima Boleh Menginap Di RPP / RT di dalam negara tidak melebihi 7 hari<br>Tempoh Maksima Boleh Menginap Di RPP / RT di luar negara tidak melebihi 14 hari |
| 7. . | Berapa Lama Tempoh Menunggu Kelulusan RPP Premier | Kelulusan akan diberikan selewat-lewatnya 30 hari sebelum Tarikh menginap<br><br>Bagi permohonan saat akhir (sekiranya ada tetamu membatalkan tempahan…kelulusan akan diberikan dalam tempoh 3 hari sebelum Tarikh menginap |
| 8. | Bolehkah Seseorang Pemohon Menukar Ganti Permohonan Kepada Orang lain? | Pemohon Yang Telah Menjelaskan Bayaran Tempah RPP / RT Tidak Dibenarkan Tukar Ganti Kepada Penama Yang Lain.<br><br>Hanya Suami/Isteri Pemohon Yang Tersenarai Dalam Surat Kelulusan Penginapan Dibenarkan Untuk Mendaftar Masuk. |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Bilakah Waktu Mendaftar Masuk Dan Keluar Di RPP / RT | ○ Waktu Daftar Masuk: Jam 2.00 Petang – 5.00 Petang<br>○ Waktu Daftar Keluar: Jam 12.00 Tengahari<br>**Sila hubungi Nombor Telefon Penyelia yang tertera di dalam surat kelulusan** |
| 10. | Lokasi Rumah Peranginan(RPP) Eksekutif / Premier | RPP Eksekutif<br>• Port Dickson Morib Tasik Kenyir Cameron Highlands<br>• Bukit Fraser Pulau Pinang Pulau Pangkor.<br>RPP Premier<br>• Port Dickson; Cameron Highlands; Singapura<br>• Bukit Fraser; Labuan London |
| 11. | Apakah Kelayakan Bagi Menggunakan Rumah Tamu (RT) | • Penginapan Sementara Bagi Penghuni Kuaters Yang Mengalami Bencana(Contoh: Kebakaran) Atau ,<br>Dalam Penyelenggaraan/Pembaikan Yang Menyebabkan Kuaters Tidak Dapat Diduduki;<br>• Penginapan Pegawai Dan Kakitangan Yang Bertugas Di Luar Kawasan Atau Urusan Rasmi;<br>• Penginapan Peserta-Perserta Program Anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan |
| 12. | Siapakah Yang Layak Untuk Menginap Di Rpp? | Semua Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Dan Perkhidmatan Awam Negeri Layak Untuk Memohon Menginap Di Mana-Mana RPP<br><br>Kecuali RT - Hanya layak Kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Sahaja.<br><br>Anggota Perkhidmatan Badan Berkanun Boleh Dipertimbangkan Untuk Menginap Di RPP<br>- Terhad Kepada bilik Yang Terbuka Kepada Semua Gred Sahaja)<br>- Tertakluk Kepada Kekosongan Dan<br>- Permohonan Perlu Dibuat Dalam Tempoh Tujuk(7) Hari Sebelum Tarikh Menginap.<br><br>Pesara Yang Memiliki Kad Pesara Kerajaan Malaysia Berdasarkan Gred Jawatan Terakhir<br>- Balu Atau Waris Kepada Pesara Tidak Layak. |

| | | |
|---|---|---|
| 13. | Apakah Kelayakan Rumah Mengikut Gred? | Terdapat pelbagai jenis bilik / apartment 2, 3, 4 tingkat / banglo yang layak diduduki mengikut gred pemohon. Sila layari portal RPP untuk maklumat lanjut<br><br>https://www.bph.gov.my/portal/rpp-laman-utama/ |
| 14. | Berapakah Kekerapan Bagi Kelayakan Untuk Menginap Di RPP? | • Setiap Pemohon Layak Untuk Menginap Di RPP - Terhad Kepada Tiga(3) Kali Setahun |
| 15. | Berapakah Kadar Sewa Bagi RPP / RT | Terdapat pelbagai jenis kadar sewa bilik / apartment 2, 3, 4 tingkat / banglo yang layak diduduki mengikut gred pemohon. Sila layari portal RPP untuk maklumat lanjut<br>https://www.bph.gov.my/portal/rpp-laman-utama/ |
| 16. | Bolehkah Bayaran Sewaan Dipulangkan Jika Pembatalan Tempahan RPP / RT Dilakukan? | • Pemohon Boleh Membuat Pembatalan Sesuatu Tempahan Tidak Kurang Daripada Empat Belas(14) Hari Sebelum Tarikh Menginap.<br>Walau Bagaimanapuun, Bayaran Balik Tertaklu Kepada Potongan 50 Peratus(%) Daripada Keseluruhan Kadar Sewa Atau Minimum Rm50.00 Yang Mana Lebih Tinggi. |
| 17. | Apakah Tindakan Yang Perlu Dilakukan Setelah Pembatalan Dibuat Oleh Pemohon Bagi RPP Dan RT? | Selaras Dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia(SPANM) Bil. 3/2019, Lampiran D: Garis Panduan Pengurusan Pulangan Balik Hasil,<br>Pemohon Diwajibkan Menyertakan Surat Permohonan Dari Pemohon Asal (Individu) Bagi Tujuan Tuntutan Bayaran Balik Pembatal Tempahan.<br><br>Dokumen Yang Lengkap Termasuklah<br>- Salinan Kad Pengenalan,<br>- Salinan Akaun Bank Gaji Dan<br>- Surat Pengesahan Nombor Akaun<br><br>Pengesahan Tuntutan Perlu Dikemukakan Melalui Emel rpp_bayaranbalik@bph.gov.my |

| | | |
|---|---|---|
| 18. | Pekeliling & Garis Panduan | https://www.bph.gov.my/portal/wp-content/uploads/2020/10/rpp20151.pdf<br>• Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2015 Peraturan Bagi Menggunakan Rpp<br><br>https://www.bph.gov.my/portal/wp-content/uploads/2020/10/garispanduanrpp.pdf<br>• Garis Panduan Penggunaan Rumah Peranginan Persekutuan Dan Rumah Transit Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri |
| 19. | Bilakah pengguna baru akan disahkan setelah mendaftar di sistem https://sbbph.gov.my | Pengguna baru akan disahkan dalam tempoh 7 hari selepas pendaftaran |
| 20. | Bolehkah saya mohon untuk menginap di RPP / RT keesokan hari (kurang 24 jam) | Tidak. Permohonan menginap hanya boleh dilaksanakan sekurang-kurangnya 48 jam sebelum menginap |

FAQ